



Polisi Insurans QBE Driver Passenger Protector

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **Perlindungan QBE DRIVER PASSENGER PROTECTOR**.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini merupakan insurans kemalangan diri untuk pemandu kereta persendirian dan penumpang mereka. Ciri-ciri istimewanya ialah: -

- a) Ia melindungi anda dan keluarga anda daripada kemalangan semasa memandu, menggunakan, menaiki atau menuruni mana-mana kenderaan persendirian selain daripada motosikal.
- b) Ia melindungi anda dan keluarga anda daripada kemalangan sebagai pejalan kaki dalam kemalangan yang melibatkan mana-mana kenderaan.
- c) Ia melindungi anda dan keluarga anda daripada kemalangan ketika menaiki sebarang jenis pengangkutan sebagai penumpang yang membayar tambang.
- d) Ia melindungi penumpang anda daripada kemalangan semasa memandu, menggunakan, menaiki atau menuruni Kenderaan Khusus.

2. Siapakah ahli keluarga anda?

Mereka adalah suami/isteri anda yang sah dan anak yang belum berkahwin antara usia 3 tahun sehingga 18 tahun.

3. Apakah maksud "Kenderaan Khusus"?

Ini bermaksud sebarang kenderaan persendirian dengan nombor pendaftaran yang dinyatakan dalam jadual polisi.

4. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

➤ **Kemalangan Diri**

➤ **Hilang Upaya Kekal**

➤ **Ganti Rugi Berganda** sekiranya Anda dan/atau Pemandu/Penumpang Dibenarkan mengalami kuadriplegia kekal, paraplegia kekal atau lumpuh menyeluruh yang kekal dari leher ke bawah disebabkan oleh Kecederaan akibat kemalangan yang melibatkan Kenderaan Khusus dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh Kemalangan.

➤ **Elaun Hospital**

➤ **Perbelanjaan Perubatan** termasuk Sinseh Cina, Pakar Kiropraktor atau Pengeset Tulang ('Bonesetter'), kos kerusi roda, lengan atau kaki palsu dan tongkat seperti yang disyorkan oleh pakar atau pakar bedah yang merawat.

➤ **Yuran Ambulans**

➤ **Elaun Perkabungan**

Nota:

Sila rujuk kontrak polisi untuk terma dan syarat terperinci. Tempoh perlindungan adalah selama satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans anda setiap tahun..

5. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza-beza bergantung kepada pelan yang anda pilih, dan keperluan penajamin kami. Sila rujuk borang cadangan untuk caj premium yang tepat.

6. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

<i>Jenis</i>	<i>Jumlah</i>
Komisyen dibayar kepada ejen insurans	- Sehingga 10% daripada premium yang dicaj
Duti Setem	- RM10
SST	- 6%

7. Apakah pentingnya pendedahan?

Selaras dengan Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda telah memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk memberi perhatian yang munasabah untuk tidak membuat salah nyata dalam menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini). Anda perlu menjawab soalan-soalan dengan penuh dan tepat.

Kegagalan untuk memberi perhatian yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan ini boleh menyebabkan pembatalan kontrak Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda. Kewajipan pendedahan di atas akan berterusan sehingga masa kontrak ini dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Selain daripada menjawab soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini), anda juga dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda ketahui berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukankadar dan terma yang akan digunakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami serta -merta sekiranya pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami, mana -mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

8. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?

Prosedur Tuntutan

Notis hendaklah diberi dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari mana-mana kejadian yang mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini dengan memberi keterangan terperinci secara bertulis kepada kami.

Premium perlu dibayar sebelum perlindungan berkuat kuasa

Pelepasan Kenderaan

Sekiranya "Kenderaan Khusus" dilepaskan, insurans akan dibatalkan dan orang yang diinsuranskan berhak mendapat pemulangan premium bagi tempoh insurans belum luput.

9. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

- Perang, tindakbalas nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif, Keganasan
- Ketika anda terlibat dalam polis, tentera atau angkatan bersenjata, pasukan bomba dan pengawal keselamatan bersenjata
- Ketika "Kenderaan Khusus" digunakan untuk sewa, perlumbaan, rali jalan raya, ujian kelajuan atau penggunaan berkaitan dengan perdagangan motor
- Memandu tanpa lesen memandu yang sah
- Ketika kenderaan digunakan sebagai pengangkutan umum yang tidak berlesen
- Sesiapa yang berusia di bawah 3 tahun dan melebihi 70 tahun
- Mana-mana kecederaan kemalangan yang dialami semasa di luar Malaysia, Singapura, Brunei atau Thailand
- Kecederaan terhadap diri sendiri atau bunuh diri
- Kelahiran, kehamilan atau keguguran
- Ketika orang yang diinsuranskan memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah
- Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDs)
- Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV)

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai lengkap pengecualian di bawah polisi ini.

10. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda berhak mendapatkan pemulangan premium berdasarkan tempoh insurans yang belum luput.

11. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan terhadap butiran peribadi saya?

Penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam profil hayat anda termasuk pekerjaan dan kegiatan peribadi anda yang akan menjejaskan profil risiko.

12. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk buku risalah insuranceinfo mengenai 'Insurans Kemalangan Diri', yang terdapat di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkannya daripada ejen insurans atau lawati www.insuranceinfo.com.my;
Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Nama Syarikat	:	QBE Insurance (Malaysia) Berhad
Alamat	:	No. 638 Level 6, Block B1, Leisure Commerce Square, No. 9 Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya, Selangor.
Tel	:	03 7861 8400
Faks	:	03 7873 7430
Emel	:	info.mal@qbe.com

13. Perlindungan Kemalangan Diri lain yang ditawarkan ialah:

- QBE PA Protector
- QBE FLEXI Cover

NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memberi perhatian kepada skala manfaat untuk kematian dan hilang upaya dalam polisi insurans anda. Anda mesti menamakan penama dan memastikan penama anda mengetahui tentang polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan ejen atau menghubungi syarikat insurans secara terus untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang terdapat di dalam risalah pendedahan ini diterbitkan pada 12/06/2023 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.